

03/11/1997

Usah ragui perjuangan BN: Dr Koh

Sharifah Munirah

NIBONG TEBAL, Ahad - Pendirian dan falsafah perjuangan Barisan Nasional (BN) adalah untuk membela serta memelihara hak semua lapisan rakyat serta menjamin kesejahteraan generasi masa depan, walaupun langkah tegas yang diambil pucuk pimpinannya sering dipersoalkan.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata rakyat tidak seharusnya meragui atau bimbang terhadap tindakan pucuk pimpinan kerana ia berlandaskan kebenaran.

"Seluruh rakyat sepatutnya berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan negara kerana kelantangan suara serta ketegasan pendirian mereka berlandaskan kebenaran demi menuntut keadilan.

"Ketegasan Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukan bermakna beliau hanya `bermain politik' di arena antarabangsa, tetapi bagi menegakkan kebenaran," katanya ketika berucap di Majlis Pelancaran Program Mesra Peringkat Daerah Seberang Prai Selatan (SPS) di Taman Puteri Gunung di sini, hari ini.

Lebih 500 penduduk setempat turut memeriahkan program anjuran bersama kerajaan negeri dan Jabatan Penerangan negeri.

Turut hadir di majlis itu, Ahli Parlimen Nibong Tebal merangkap Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr Goh Cheng Teik, Pegawai Daerah SPS, Ahmad Phesal Talib serta ahli Exco BN lain.

Hadir sama, calon BN bagi pilihan raya Kadun Sungai Bakap (N16), Lai Chew Hock.

Menurut Koh, rakyat tidak sepatutnya menyalahkan pucuk pimpinan berhubung masalah atau cabaran yang dihadapi termasuk krisis mata wang, kerana ia bukan hanya membabitkan negara ini, malah negara lain turut terjejas.

"Tetapi, ketegasan pendirian pucuk pimpinan kita ternyata benar kerana hari ini, George Soros sendiri mengakui bahawa perdagangan mata wang sememangnya memerlukan satu sistem kawalan yang lebih sempurna demi menjaga kepentingan semua pihak," katanya.

Koh menyeru seluruh rakyat negeri ini supaya mengukuhkan perpaduan demi menyemarakkan lagi semangat perjuangan pucuk pimpinan BN demi kesejahteraan dan kemakmuran masa depan.

"Kerajaan negeri merancang program pembangunan yang mantap dan menyeluruh bagi meningkatkan kualiti hidup seluruh rakyat negeri ini, khususnya kawasan SPS.

"Projek untuk mempertingkatkan kemudahan asas khususnya di kawasan perumahan, akan dilaksanakan secara berperingkat," katanya.

Bagaimanapun, menurut beliau, program pembangunan yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa sokongan padu seluruh lapisan rakyat.

"Usaha dan komitmen kerajaan dalam memajukan negara adalah untuk kepentingan generasi masa depan di samping menjamin kesinambungan kepimpinan yang selama ini terbukti berjaya memperjuangkan kepentingan rakyat," katanya.

(END)